

# LAWATAN RASMI COMMANDER ZIMBABWE DEFENCE FORCES KE KEMENTERIAN PERTAHANAN

 [airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/2469-lawatan-rasmi-commander-zimbabwe-defence-forces-ke-kementerian-pertahanan](http://airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/2469-lawatan-rasmi-commander-zimbabwe-defence-forces-ke-kementerian-pertahanan)

KUALA LUMPUR, 26 Sep 17 – General Constantino Guveya Dominic Nyikadzino Chiwenga, Commander Zimbabwe Defence Forces telah mengadakan lawatan rasmi ke Kementerian Pertahanan hari ini.

Ketibaan beliau di Kementerian Pertahanan disambut oleh Panglima Angkatan Tentera, Panglima-panglima Perkhidmatan serta Pegawai-pegawai Kanan ATM yang lain. Beliau seterusnya mengambil tabik hormat perbarisan Kawalan Kehormatan Utama di Dataran Wisma Pertahanan.

Dalam rangka lawatannya di sini, beliau telah melakukan kunjungan hormat ke atas Panglima Angkatan Tentera, YM Jeneral Tan Sri Raja Mohammad Affandi bin Raja Mohamed Noor yang turut dihadiri oleh Pemangku Panglima Tentera Udara, YBhg Lt Jen Dato' Sri Ackbal bin Hj Abdul Samad TUDM.

Lawatan ini bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan diplomasi pertahanan kedua-dua Negara yang telah sekian lama wujud.



